

## PERIBAHASA (ITEM DALAM TEKS)

## Latihan 3

ARAHAN: Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung ( ) yang disediakan.

<p>Encik Tan bekerja sebagai pembantu di kedai kopi. Setiap hari dia akan (1)<u>banting tulang</u> untuk mendapat gaji yang lebih. Encik Tan tidak berpelajaran sejak kecil lagi. Dia (2)<u>seperti seorang yang tahu tentang hal-hal di sekelilingnya sahaja</u>. Pada waktu siang dia bekerja di sebuah kedai kopi berdekatan dengan rumahnya. Pada malamnya pula di sebuah kedai kopi yang tidak jauh dari situ. Dia tahu dia menjadi (3)<u>tulang belakang</u> keluarganya dan mesti bekerja keras.</p>	<p>1 (1) bekerja bermati-matian (2) mengangkat sesuatu yang berat (3) membuat sesuatu dengan marah (4) menghentak kaki dengan geram ( )</p> <p>2 (1) bagai kacang lupakan kulit (2) bagai anjing dengan kucing (3) bagai menghitung bulu kambing (4) bagai katak di bawah tempurung ( )</p> <p>3 (1) orang yang dipuji (2) orang yang sangat dikasihi (3) orang yang tinggal bersama (4) orang yang menjadi harapan ( )</p>
<p>Setiap pesanan pelanggan di kedai kopi akan dilakukan (4)<u>seperti lipas kudung</u>. Walaupun kepenatan selepas bekerja sepanjang hari, Encik Tan tidak berputus asa.</p>	<p>4 (1) melakukan sesuatu dengan laju (2) melakukan sesuatu dengan deras (3) melakukan sesuatu dengan pantas (4) melakukan sesuatu dengan kencang ( )</p>
<p>Majikan-majikannya hormat dan sayangnya kerana sikapnya yang (5)<u>jujur</u>. Dia sedia membantu kawan-kawan sekerjanya untuk meringankan kerja-kerja mereka jika mereka kurang sihat atau penat.</p>	<p>5 (1) cari akal (2) lurus akal (3) ringan mulut (4) ringan tangan ( )</p>